

BAB 6

BAB 6

PENUTUP

6.1 PENDAHULUAN

Kajian ini telah mengupas secara menyeluruh tentang isu-isu kekeluargaan di samping mengkaji perkhidmatan yang ditawarkan oleh Pusat Pembangunan Keluarga Islam, yang merupakan sebuah organisasi yang menyediakan perkhidmatan kekeluargaan Islam. Setelah melakukan beberapa penyelidikan dan penelitian, penulis berjaya menyiapkan disertasi ini. Hasil perbincangan dalam kelima-lima bab terdahulu, penulis dapat mengengahkan beberapa kesimpulan sebagai penemuan hasil kajian penulis berkenaan kekeluargaan Islam. Seterusnya, penulis akan mengutarakan beberapa saranan yang diharapkan dapat membantu pihak-pihak tertentu dalam memperbaiki dan memperkembangkan institusi kekeluargaan yang telah sedia ada.

6.2 KESIMPULAN.

Berdasarkan kepada kajian yang dijalankan, penulis dapat merumuskan beberapa kesimpulan seperti berikut:

- 1) Islam merupakan satu agama yang lengkap dan meliputi setiap aspek kehidupan. Begitu juga, dalam proses membina rumah tangga. Islam amat menekankan tentang kepentingan keluarga dan menyediakan berbagai-

bagai panduan bermula dari mencari jodoh, selepas mendirikan rumah tangga dan juga bagi pasangan yang menghadapi masalah rumah tangga. Buktinya, terdapat banyak ayat-ayat al-Qur'an dan hadith-hadith Rasulullah s.a.w yang membicarakan tentang persoalan rumah tangga dan kekeluargaan Islam. Justeru, prinsip-prinsip pembinaan sebuah rumah tangga menurut perspektif Islam perlulah dihayati dan diamalkan sepenuhnya dalam proses membina sebuah keluarga yang diredhai Allah S.W.T. Sekiranya panduan ini diamalkan sepenuhnya, pasti akan lahirlah keluarga Islam yang mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

- 2) Isu kekeluargaan bukanlah suatu perkara yang baru, malah ia telah menjadi isu perbincangan ulama-ulama terdahulu hinggalah sekarang. Lebih-lebih lagi keadaan masyarakat sekarang yang semakin rapuh disebabkan masalah-masalah yang melanda seperti gejala sosial, keruntuhan akhlak dan sebagainya. Tanpa disedari, masalah ini akan menggugat kedudukan institusi keluarga dan lebih malang lagi akan merobohkan institusi keluarga yang telah lama terbina. Oleh yang demikian, isu kekeluargaan telah menjadi isu yang hangat diperkatakan maka, terdapat banyak panduan yang dihasilkan melalui usaha masing-masing dalam bentuk bahan bercetak, bahan rakaman dan sebagainya. Jadi, peluang yang ada ini wajarlah digunakan dengan sebaiknya oleh pasangan yang akan berumah tangga dan yang telah berumah tangga termasuklah ibu bapa.

- 3) Bagi pasangan yang akan mendirikan rumah tangga haruslah memperlengkapkan diri masing-masing dengan ilmu-ilmu yang menyentuh tentang asas-asas kekeluargaan Islam di samping pengukuhan akidah dan ketakwaan kepada Allah S.W.T. Mereka perlu sedar bahawa mendirikan rumah tangga bukanlah suatu perkara yang mudah tetapi memerlukan persediaan yang amat rapi samada dari segi fizikal, mental dan juga material. Selain daripada itu, setiap pasangan bukan sekadar diwajibkan mendalami ilmu rumah tangga sebelum berkahwin sahaja (pra perkahwinan) malah ilmu kekeluargaan ini perlulah diteruskan selepas mendirikan rumah tangga contohnya mempelajari tahap perkembangan anak-anak dalam proses menyediakan corak didikan yang lebih berkesan mengikut tahap usia anak-anak.

- 4) Penubuhan PPKI bagi setiap negeri merupakan satu usaha kerajaan yang amat membanggakan dalam proses melahirkan masyarakat yang prihatin, berkeyakinan dan mengawal diri. Seterusnya melahirkan masyarakat yang mengamalkan konsep kekeluargaan Islam yang hakiki seperti mana yang dianjurkan oleh Islam. Dengan kewujudan PPKI ini, dapat menyelesaikan masalah individu-individu yang memerlukan khidmat dan bimbingan terutamanya penduduk setempat.

- 5) Melalui modul-modul yang dibentuk, hasil daripada usaha yang telah dilakukan oleh pihak yang pakar dalam bidang kekeluargaan, dapat menyediakan panduan kepada individu-individu yang memerlukan. Hasil

kajian mendapati modul-modul yang diguna pakai di PPKI amat menepati ajaran Islam di mana ianya berpandukan al-Qur'an dan al-Hadith.

Demikianlah kesimpulan-kesimpulan yang dapat diutarakan hasil kajian perpustakaan dan juga kajian lapangan yang telah dilakukan oleh penulis berkenaan dengan tajuk disertasi ini di Pusat Pembangunan Keluarga Islam, Bandar Baru Sentul, Kuala Lumpur.

6.3 SARANAN.

Pada hakikatnya, Islam telah menganjurkan prinsip-prinsip tertentu untuk membentuk, mengekal dan memperbaiki sesebuah rumah tangga. Walau bagaimanapun dari segi teknik atau pendekatannya hendaklah disesuaikan dengan keadaan semasa. Bertitik tolak daripada kesimpulan-kesimpulan di atas, penulis ingin mengemukakan beberapa saranan untuk diberi perhatian oleh pihak-pihak yang terlibat. Di antara saranan-saranan berikut adalah:-

1) Menyediakan khidmat rundingcara / kaunseling keluarga yang berkesan.

Adalah lebih baik kiranya pihak yang bertanggungjawab seperti PPKI dan JAKIM memperkemaskan khidmat rundingcara yang telah sedia ada dan memperluaskan khidmat seumpama ini. Contohnya mewujudkan kaunter-kaunter yang menyediakan khidmat kaunseling keluarga di kawasan-kawasan bandar terutamanya, sebagai usaha memperkenalkannya kepada masyarakat. Malah,

boleh juga cara ini digunakan di kampung-kampung terpilih pada waktu-waktu tertentu dengan tujuan untuk memberikan keseimbangan terhadap masyarakat bandar dan kampung dalam proses menangani masalah kekeluargaan.

2) Mengadakan kursus, seminar dan bengkel kekeluargaan.

Pihak bertanggungjawab perlu meningkatkan kursus, seminar dan bengkel kekeluargaan bagi pasangan yang akan mendirikan rumah tangga bagi memberikan gambaran sebenar pembinaan institusi kekeluargaan menurut Islam. Walau bagaimanapun, program seumpama ini tidak harus dilupakan bagi pasangan yang telah lama berkahwin terutamanya bagi pasangan yang umur perkahwinan mereka telah menjangkau lima tahun ke atas. Di samping itu, modul-modul yang telah dihasilkan haruslah diguna pakai sepenuhnya oleh pihak penganjur mengikut kreativiti masing-masing sesuai dengan kumpulan sasaran. Pihak penganjur juga perlulah memilih waktu yang sesuai seperti waktu hujung minggu dan mengambil inisiatif untuk mempromosikan program yang akan diadakan dengan lebih meluas.

3) Meningkatkan dan meluaskan operasi PPKI di setiap negeri.

Pihak JAKIM dan jabatan agama setiap negeri di Malaysia perlu bekerjasama dalam meningkatkan dan memperkukuhkan operasi bagi setiap negeri. Pihak bertanggungjawab juga perlu menyediakan pegawai atau kaunselor yang berkelayakan untuk bertugas di setiap PPKI. Di samping itu, penubuhan PPKI bagi setiap negeri perlulah dipromosikan dan diberikan publisiti meluas

contohnya melalui media massa. Dengan cara ini, masyarakat akan lebih menyedari tentang kewujudan PPKI dan fungsinya dalam menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan kekeluargaan Islam.

4) Mewujudkan laman web sendiri.

Dalam era globalisasi ini, setiap pihak perlu bergerak seiring dengan kemajuan sains dan teknologi bagi menampilkan diri dalam usaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik dan lebih relevan dengan tuntutan semasa. Jadi, seharusnya peluang ini tidak harus dilepaskan oleh pihak PPKI untuk mencipta laman web sendiri. Dengan yang demikian, pihak PPKI boleh mewujudkan perkhidmatan menerusi internet dan peluang ini boleh diambil oleh masyarakat sekarang yang seringkali berkomunikasi dengan dunia tanpa sempadan ini.

5) Meningkatkan kesedaran diri.

Bagi individu pula, jangan terlalu memandang ringan terhadap isu kekeluargaan dan mengabaikan masalah yang sering melanda rumah tangga tanpa mengambil sebarang tindakan. Sebaliknya mereka harus sentiasa memperlengkapkan diri dengan ilmu-ilmu kekeluargaan sebanyak mungkin seperti ilmu pengurusan rumah tangga, ilmu keibubapaan dan pendidikan anak-anak menurut Islam. Mereka juga perlu berusaha sedaya upaya untuk mempertahankan kedudukan institusi keluarga yang telah terbina berlandaskan kasih dan sayang di antara setiap ahli keluarga.

6) Meningkatkan komunikasi di antara ahli keluarga.

Dewasa ini, komunikasi di antara ahli keluarga semakin merosot disebabkan wujudnya faktor-faktor yang menghalang komunikasi seperti waktu kerja yang berpanjangan, kurang keprihatinan terhadap ahli keluarga dan pengaruh media massa. Oleh yang demikian, ibu bapa perlu merapatkan jurang komunikasi yang semakin luas ini dengan mengadakan program keluarga seperti percutian keluarga, makan bersama, beriadah dan beribadah bersama. Pendek kata, setiap ibu bapa perlu meluangkan masa yang lebih panjang bersama anak-anak dan mengambil tahu perkembangan mereka, menjadi tempat mengadu masalah dan menjadi teman yang paling rapat bagi mereka. Interaksi yang baik di antara suami isteri juga perlu dititikberatkan dalam proses menerapkan nilai-nilai yang mulia kepada ahli keluarga yang lain.

6.4 PENUTUP.

Akhirnya, penulis berharap agar kajian ini dapat membekalkan sedikit sebanyak panduan walaupun tidak sepenuhnya kerana adalah amat sukar bagi penulis yang serba kekurangan ini untuk memenuhi keseluruhan kehendak kajian. Melalui cadangan-cadangan yang diberikan juga, secara tidak langsung diharapkan dapat memberi idea dan pembuka jalan bagi mewujudkan pembaharuan-pembaharuan yang lebih baik. Semoga usaha murni kerajaan ini mendapat kerjasama setiap pihak dan PPKI bakal menjadi suatu organisasi yang ampuh dan dapat menyediakan seberapa banyak sumbangan kepada masyarakat.

Juga, diharapkan segala usaha yang tercurah oleh semua pihak dalam menghasilkan disertasi ini akan diberkati Allah S.W.T dan mendapat keredhaannya. Segala yang baik adalah dari Allah S.W.T dan segala yang tidak baik adalah dari kelemahan penulis sendiri.